

SOALAN NO. : 168

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH :

SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan statistik pencemaran udara dan usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan antara Malaysia dengan negara ASEAN lain bagi memastikan masalah pencemaran udara yang sering melanda kawasan serantau ini dapat diatasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Statistik pencemaran udara yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui Laporan Kualiti Alam Sekeliling pada tahun 2012 menunjukkan bahawa jumlah *emission* bagi gas karbon monoksida adalah sebanyak 1,873,730 tan metrik, gas nitrogen dioksida sebanyak 877,364 tan metrik, gas sulfur dioksida sebanyak 198,519 tan metrik dan *particulate matter* sebanyak 6,049 tan metrik. Punca-punca utama pencemaran udara tersebut adalah dari kenderaan bermotor, perindustrian dan loji jana kuasa.

Di peringkat ASEAN dan serantau, Malaysia merupakan negara anggota yang berperanan aktif dalam menerajui isu-isu pencegahan jerebu serantau melalui Mesyuarat “Conference of the Parties (COP) to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution” dan “Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution” yang diadakan secara berkala. Melalui kedua-dua forum tersebut, Malaysia komited untuk menyokong usaha-usaha berterusan oleh Kerajaan Indonesia untuk mencegah kebakaran tanah dan hutan serta jerebu melalui “Indonesia’s Plan of Action (POA) in Dealing with Transboundary Haze Pollution” yang telah diwujudkan semenjak tahun 2006. Ia dapat dilaksanakan kelak melalui pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MOU) bagi program-program pencegahan jerebu melalui usahasama Kerajaan Malaysia dan Wilayah Riau, Sumatera, Indonesia. Kerajaan

Indonesia juga telah digesa untuk segera meratifikasi Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan dalam Mesyuarat MSC Ke-16 yang telah diadakan di negara Brunei Darussalam pada 2 April 2014.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh: Puan Hjh Kalsom Abd. Ghani
Jawatan : Pengarah Udara
Telefon bimbit : 0193226802

Disemak oleh : Dr Zulkifli Abdul Rahman
Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Telefon bimbit: 0193827137

Diluluskan oleh: Dato' Halimah Hassan
Jawatan : Ketua Pengarah Alam Sekitar
Telefon bimbit : 0192107900